

## PRELIMINARY STUDY ON THE STATUS OF EDUCATION AND ITS RELATIONSHIP WITH KNOWLEDGE REGARDING ONLINE BUSINESS ZAKAT

### KAJIAN AWAL HUBUNGAN TARAF PENDIDIKAN DENGAN PENGETAHUAN TENTANG ZAKAT PERNIAGAAN ATAS TALIAN

Muhammad Ridhwan Ab. Azizi, Mohd Asyraf Yusof<sup>ii</sup>, Mohd Nazri Mohd Noor<sup>iii</sup> &  
Mohamad Haji Alias<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Profesor, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). ridhwan.aziz@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). muhammadasyrafyusof@gmail.com

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). nazrimn@usim.edu.my

<sup>iv</sup> Profesor, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). mohdhjalias@usim.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The online zakat system is a method of paying zakat through an online banking application. It is an online financial transaction platform that connects banks in zakat payment with zakat organization. It is an online system for zakat applications that can improve the efficiency of zakat collection and distribution. It is also planned to be able to attract more Muslims to pay zakat. The purpose of this article is to examine the initial findings of educational status and its relationship with knowledge on zakat. The research method used throughout this study is quantitative method via questionnaire to the targeted respondents. The initial findings of this study shows that the education level has a positive relationship with knowledge of zakat.</i></p> <p>Keywords: Zakat, Method, Online, Islamic, Finance.</p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Sistem zakat atas talian adalah kaedah membayar zakat menerusi aplikasi perbankan atas talian. Zakat atas talian merupakan platform transaksi kewangan atas talian yang menghubungkan bank dalam pembayaran zakat dengan organisasi zakat. Platform ini juga merupakan sistem atas talian untuk aplikasi zakat yang dapat meningkatkan kecekapan pengumpulan dan pengagihan zakat. Zakat atas talian juga dirancang untuk dapat menarik lebih ramai umat Islam untuk membayar zakat. Objektif artikel ini adalah untuk menerangkan dapatan awal kajian berkenaan taraf pendidikan dan hubung kaitnya dengan pengetahuan tentang zakat perniagaan atas talian. Metod kajian yang digunakan sepanjang kajian ini adalah kaedah kuantitatif melalui soal selidik kepada responden terpilih. Dapatan awal kajian ini menunjukkan bahawa taraf pendidikan mempunyai hubungan positif dengan pengetahuan tentang zakat.</i></p> <p>Kata kunci: Zakat, Kaedah, Atas Talian, Islam, Kewangan.</p>

## **PENGENALAN**

Zakat adalah salah satu daripada lima rukun Islam. Allah (s.w.t.) telah menetapkan pada seluruh umat Islam di mana pembayaran zakat sebagai salah satu ibadah yang wajib ditunaikan. Zakat dikategorikan di bawah amal wajib. Terdapat zakat harta (Zakat-ul-Maal) dan zakat pada individu (Zakat-ul-Fitr). Institusi zakat yang dikendalikan dengan cekap pasti memberi kesan positif kepada sosio-ekonomi umat Islam (Hafiduddin, 2011).

Institusi zakat adalah institusi yang memainkan peranan penting dalam membangunkan sistem sosio-ekonomi Islam. Di Malaysia pungutan zakat dilembagakan walaupun zakat adalah untuk kepentingan seluruh umat Islam (Ab Rahman et al., 2012). Pihak berkuasa negeri masing-masing terlibat dalam pentadbiran zakat menjalankan tanggungjawab seperti pungutan zakat, pengagihan zakat dan pentadbiran institusi zakat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan syarak (Nazri et al., 2012).

Zakat mempunyai beberapa objektif. Yang pertama adalah penyucian harta kekayaan seseorang. Pembayaran zakat adalah kaedah untuk membersihkan hati dan jiwa seseorang dari ketamakan dan obsesi terhadap kekayaan material (Afriyenis & Rahma, 2018). Menunaikan zakat akan meningkatkan cinta seseorang kepada Allah (s.w.t.) dan menjadikannya seorang hamba yang taat kepada-Nya. Pembayaran zakat adalah perbuatan menjaga kebajikan anggota masyarakat yang kurang bernasib baik (R. A. R. Ahmad et al., 2015). Zakat dianggap sebagai perbuatan amal kerana sebahagian kekayaan seseorang itu ada hankya kepada insan lain terutama golongan miskin dan yang memerlukan.

Perubahan dan perkembangan teknologi pada masa kini banyak memberi manfaat kepada pelbagai sektor, terutama sektor ekonomi. Dalam situasi pandemik Covid-19, ramai dikalangan usahawan menukar cara perniagaan mereka daripada perniagaan konvensional yang memerlukan mereka bersemuka dengan pelanggan kepada perniagaan atas talian (Rosliah & Hassan, 2020). Perkara ini telah membawa negara kepada satu fasa ekonomi baharu dimana transaksi ekonomi hanya berlaku atas talian (Hanafi, 2020).

Sebagai contoh perniagaan makanan dan minuman dipesan dan dibayar melalui aplikasi telefon bimbit dan dihantar kepada pengguna oleh penghantar makanan. Ramai yang hilang pekerjaan ketika situasi pandemik Covid-19 ini mengatur langkah baharu di mana mereka memulakan perniagaan atas talian. Ada di antara mereka yang berjaya dalam perniagaan walaupun situasi pandemik masih belum berakhir. Namun begitu, adakah mereka yang berjaya dalam perniagaan ini mengetahui yang mereka wajib menunaikan zakat perniagaan atas talian? Kajian ini merupakan kajian awal yang dijalankan bagi meneliti adakah peniaga atas talian ini mengetahui yang mereka wajib menunaikan zakat perniagaan atas talian tersebut.

## **KAJIAN LITERATUR**

Memberi sedekah kepada orang miskin dan yang memerlukan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sebagai sumber disalurkan kepada anggota masyarakat yang mempunyai kecenderungan untuk penggunaannya adalah lebih tinggi (A. U. F. Ahmad et al., 2010). Ini selaras dengan istilah zakat yang juga bermaksud pertumbuhan. Pada masa yang sama menjaga keperluan golongan miskin dan golongan memerlukan akan mewujudkan keharmonian sosial antara golongan kaya dan golongan miskin (Wahab & Rahman, 2011). Zakat juga merupakan penyumbang penting pertumbuhan dan perkembangan ekonomi Malaysia dan merupakan salah satu objektif zakat. Objektif lain bagi zakat adalah tidak menggalakkan penumpuan kekayaan dan untuk mengurangkan kemiskinan.

Kemiskinan biasanya merujuk kepada kekurangan sumber pendapatan (Daw et al., 2011). Terdapat banyak faktor yang menyebabkan kemiskinan dan pelbagai pendekatan untuk menjelaskan konsep tersebut. Kajian yang dilakukan oleh Rowntree, (1902) telah digambarkan sebagai kajian ilmiah pertama mengenai kemiskinan. Dia mendefinisikan garis kemiskinan dengan menganggarkan keperluan kewangan untuk pemakanan yang mencukupi serta keperluan untuk pakaian dan tempat tinggal. Mereka yang pendapatannya

berada di bawah garis ini dikelaskan sebagai berada dibawah paras kemiskinan (Brooks-gunn & Duncan, 1997).

Kajian mengenai pengetahuan zakat telah dijalankan sejak 1990an sehingga kini. Sebagai contoh Abdelmawla (2014), mengkaji tentang hubung kait pengetahuan zakat dengan membasmi kemiskinan. Manakala, kajian Yusufiarto et al., (2020) adalah mengenai celik minda dan hubung kaitnya dengan niat untuk membayar zakat. Kedua-dua kajian ini dijalankan dengan menggunakan metod kajian kuantitatif.

Sistem zakat atas talian adalah kejayaan penting dalam teknologi untuk meningkatkan kecekapan pengumpulan dan pengagihan zakat. Reka bentuk awal sistem ini adalah untuk memudahkan pembayar zakat memenuhi kewajibannya tanpa menghadapi kesukaran untuk mencari institusi zakat. Pembayar zakat hanya perlu mendaftar sebelum menunaikan pembayaran zakat. Mekanisme pembayaran lebih mudah dan diharapkan dapat mendorong umat Islam yang berpendapatan tinggi untuk bersungguh-sungguh membayar zakat. Sebagai faedahnya, jumlah zakat yang dikumpulkan dapat ditingkatkan. Peningkatan jumlah zakat sangat bermanfaat bagi usaha mengurangkan kemiskinan. Sebaliknya, nisab adalah ukuran untuk standard minimum yang ditentukan oleh syarak. Harta yang belum mencapai ukuran minimum zakat tidak wajib dikeluarkan zakat (Hasif & Ahmad, 2019).

Sistem zakat atas talian beroperasi di rangkaian internet, dan direka untuk memudahkan pembayar zakat menguruskan transaksi pembayaran zakat. Maklum balas yang diberikan oleh para sarjana untuk tujuan ini adalah mempunyai sistem yang membolehkan pembayar zakat menggunakan kaedah atas talian untuk membayar zakat mereka. Sistem ini menyediakan sistem pembayaran perbankan atas talian yang sah dan sentiasa dikemaskini (Muneeza & Nadwi, 2019).

## METODE KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah kuantitatif. Kaedah yang digunakan sepanjang penyelidikan adalah melalui soal selidik kerana penggunaan soal selidik membolehkan kajian ini mendapatkan maklumat secara mudah dan semaksima yang mungkin dengan cara yang tepat.

Soal selidik diedarkan secara rawak dalam kalangan peniaga atas talian yang beragama Islam di kawasan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Setiap borang soal selidik diedarkan menerusi media sosial seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, Telegram, email dan sebagainya. Ini kerana dalam situasi pandemik Covid-19 ini pergerakan para penyelidik adalah terbatas. Jumlah responden bagi kajian awal (*pilot test*) ini adalah sebanyak 33 responden.


Cronbach Alpha: 0.723	
No	Item
1	Kewajipan Menunaikan Zakat Perniagaan Atas Talian
2	Zakat Perniagaan Adalah Kunci Keberkatan Hidup
3	Kemampuan Untuk Membayar Zakat Perniagaan Setiap Tahun

Jadual 1.1. Analisis Ujian Kebolehpercayaan Data - Faktor Pengetahuan Zakat

Analisis kebolehpercayaan mengkaji sifat skala pengukuran dan item yang menyusun skala tersebut. Prosedur Analisis Kebolehpercayaan mengira sejumlah ukuran kebolehpercayaan skala yang biasa digunakan dan juga memberikan maklumat mengenai hubungan antara sesuatu item dalam skala. Di dalam analisa kebolehpercayaan terhadap faktor pengetahuan zakat, tiga item dianalisa menggunakan Cronbach's alpha.

Hasil menunjukkan bahawa alpha untuk skala: “kewajipan menunaikan zakat perniagaan atas talian”, “zakat perniagaan adalah kunci keberkatan hidup”, dan “kemampuan untuk membayar zakat perniagaan setiap tahun” adalah 0.723. Menurut Kline (1999), nilai alpha yang boleh diterima dalam analisis kebolehpercayaan adalah 0.7 dalam kes ujian kebolehan.


**ANALISA DATA**



Graf 1.1: Taraf Pendidikan VS Kewajipan Menunaikan Zakat Perniagaan Atas Talian

Graf 1.1 menunjukkan hubung kait antara taraf pendidikan dengan pengetahuan mengenai kewajipan menunaikan zakat perniagaan atas talian. Seorang responden yang mempunyai taraf pendidkat SRP/PMR/PT3 bersetuju dengan kenyataan “zakat perniagaan atas talian adalah wajib ditunaikan”. Manakala, seorang respondent yang bertaraf pendidikan SPM juga bersetuju dengan perkara dikaji, dan dua orang responden yang juga berkelevelakan SPM sangat bersetuju dengan kenyataan ini.


Secara ringkasnya hampir kesemua responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan kenyataan “zakat perniagaan adalah wajib ditunaikan”. Hanya seorang responden yang bertaraf pendidikan diploma yang tidak bersetuju dan seorang yang bertaraf pendidikan master hanya neutral dengan kenyataan sama.



Graf 1.2: Taraf Pendidikan VS Zakat Perniagaan Adalah Kunci Keberkatan Hidup

Graf 1.2. memberi gambaran hubung kait antara taraf Pendidikan dengan zakat perniagaan adalah kunci keberkatan hidup bagi seorang peniaga online. Seorang responden yang bertaraf pendidikan SRP/PMR/PT3 bersetuju dengan kenyataan “menunaikan zakat perniagaan adalah kunci keberkatan hidup seorang peniaga online”.

Selain itu, bagi taraf pendidikan SPM, seorang responden bersetuju dan dua lagi responden sangat bersetuju dengan kenyataan kajian. Manakala bagi taraf pendidikan diploma, empat responden bersetuju dan enam responden sangat bersetuju dengan kenyataan ini. Secara amnya, kesemua responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan subjek kajian ini dan hanya seorang sahaja responden yang neutral, di mana beliau bertaraf pendidikan master.



Graf 1.3: Taraf Pendidikan VS Kemampuan Untuk Membayar Zakat Perniagaan Setiap Tahun

Graf 1.3 menggambarkan hubungkait antara taraf pendidikan dengan kemampuan untuk membayar zakat perniagaan setiap tahun. Seorang daripada responden yang bertaraf pendidikan SRP/PMR/PT3 menyatakan sangat bersetuju dan berkemampuan untuk membayar zakat perniagaan setiap tahun. Manakala bagi responden yang bertaraf pendidikan SPM pula, hanya seorang yang neutral dengan kemampuan untuk membayar zakat perniagaan setiap tahun manakala dua responden lagi menyatakan mereka sangat berkemampuan dan sangat bersetuju untuk membayar zakat perniagaan setiap tahun.

Bagi responden yang bertaraf pendidikan diploma, tiga daripada mereka bersetuju dan berkemampuan untuk membayar zakat perniagaan setiap tahun dan tujuh daripada mereka adalah sangat berkemampuan untuk berbuat demikian. Secara ringkasnya, kesemua responden adalah bersetuju dan sangat bersetuju untuk membayar zakat perniagaan setiap tahun, kecuali hanya seorang yang bertaraf pendidikan ijazah sarjana muda yang tidak berkemampuan dan tidak bersetuju untuk membayar zakat perniagaan pada setiap tahun. Ini mungkin kerana pendapatan perniagaan atas talian beliau masih tidak cukup nisab dan haul.

**KESIMPULAN**

Bedasarkan perbincangan di atas, penemuan awal kajian ini menunjukkan bahawa hampir kesemua taraf pendidikan mempunyai pengetahuan asas berkaitan zakat perniagaan atas talian. Hanya seorang respondent sahaja yang kurang pengetahuan asas berkaitan zakat perniagaan atas talian. Justeru, Lembaga Zakat harus melaksanakan program cakna zakat

bagi menyebarkan ilmu pengetahuan berkaitan zakat khususnya zakat perniagaan atas talian. Walaubagaimanapun, terdapat banyak lagi kelompongan dari segi kutipan zakat perniagaan bagi peniaga online. Ini mungkin kerana kemudahan bagi pembayaran zakat atas talian masih lagi kurang mesra pengguna dan penggunaannya masih belum meluas. Justeru, kajian ini mencadangkan supaya kajian berkaitan pembayaran zakat atas talian dipergiat bagi mengatasi kelompongan ini.

#### **PENGHARGAAN**

Artikel ini dihasilkan daripada penyelidikan dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) yang bertajuk: Kaedah Meningkatkan Kutipan Bayaran Zakat Perniagaan Dalam Kalangan Usahawan Online dengan Kod Kajian: P2-3-194-41521-LUAR-PPZ-FEM. Ribuan terima kasih kepada PPZ-MAIWP yang telah menyalurkan dana bagi tujuan penyelidikan ini.

#### **RUJUKAN**

Rowntree, B. S. 1902. *Poverty: A Study of Town Life*. Mac Millan Co.

#### **Jurnal**

- Ab Rahman, A., Alias, M. H., & Omar, S. M. N. S. 2012. *Zakat Institution In Malaysia: Problems And Issues*. Global Journal Al-Thaqafah, 2(1), 35-41. <https://doi.org/10.7187/GJAT122012.02.01>
- Abdelmawla, M. A. 2014. *The Impacts Of Zakat And Knowledge On Poverty Alleviation In Sudan: An Empirical Investigation (1990-2009)*. Journal of Economic Cooperation and Development, 35(4), 61-84.
- Afriyenis, W., & Rahma, A. A. D. E. 2018. *Implementasi Teknologi Informasi Dan Komunikasi Dalam Zakat Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat Miskin*. Jurnal Ekonomi Dan Bisnis Islam (Journal of Islamic Economics and Business), 3(2), 227-236.
- Ahmad, R. A. R., Othman, A. M. A., & Salleh, M. S. 2015. *Assessing The Satisfaction Level Of Zakat Recipients Towards Zakat Management*. Procedia Economics and Finance, 31(15), 140-151. [https://doi.org/10.1016/s2212-5671\(15\)01141-7](https://doi.org/10.1016/s2212-5671(15)01141-7)
- Brooks-gunn, J., & Duncan, G. J. 1997. *The Effects Of Poverty On Children*. The Future of Children, Children and Poverty, 7(2), 55-71. <https://doi.org/10.2307/1602387>
- Daw, T., Brown, K., Rosendo, S., & Pomeroy, R. 2011. *Applying The Ecosystem Services Concept To Poverty Alleviation: The Need To Disaggregate Human Well-Being*. Environmental Conservation, 38(4), 370-379. <https://doi.org/10.1017/S0376892911000506>
- Hafiduddin, D. 2011. *Peran Strategis Organisasi Zakat Dalam Memperkuat Zakat Di Dunia*. Jurnal Ekonomi Islam Al-Infaq, 2(1), 1-4.
- Hanafi, S. 2020. *Does Information Affect Online Zakat Payment?* International Journal of Zakat, 5(3), 57-72. <https://doi.org/10.37706/ijaz.v5i3.261>
- Hasif, M., & Ahmad, K. 2019. *Factors Affecting the Acceptance of Financial Technology among Asnaf for the Distribution of Zakat in Selangor- A Study Using UTAUT*. Journal of Islamic Finance, 2117(Special Issue), 35-46.
- Muneeza, A., & Nadwi, S. 2019. *The Potential of Application of Technology-Based Innovations for Zakat Administration in India*. International Journal of Zakat, 4(2), 87-100.
- Nazri, F. A. A., Rahman, R. A., & Omar, N. 2012. *Zakat and Poverty Alleviation : Roles of Zakat Institutions in Malaysia*. International Journal of Arts and Commerce, 1(7), 61-72.
- Rosliah, S. M., & Hassan, F. 2020. *Amalan Dan Penglibatan Peniaga Kecil Melalui Perniagaan Digital Semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia*. Geografi, 8(2), 1-20.
- Wahab, N. A., & Rahman, A. R. A. 2011. *Framework To Analyse Efficiency And Governance Of Zakat Institutions*. Journal of Islamic Accounting and Business Research, 2(1), 43-62.
- Yusfiarto, R., Setiawan, A., & Nugraha, S. S. 2020. *Literacy and Intention to Pay Zakat : A Theory Planned Behavior View Evidence from Indonesian Muzakki*. International Journal

of Zakat, 5(1), 15–27.

**Seminar**

Ahmad, A. U. F., Osmani, N. M., & Karim, M. F. 2010. *Islamic Finance In Australia: The Potential Problems And Prospects*. In 7th International Conference on the Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy (Issue November). <http://irep.iium.edu.my/16472/>

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*